



## **KEMASKINI BUKU PELABURAN OLEH PIHAK KETIGA**

### **KEPADA PEMEGANG UNIT YANG DIHORMATI**

Adalah dimaklumkan bahawa ASNB bertanggungjawab sepenuhnya melindungi dan menjaga kerahsiaan maklumat semua pemegang unit selaras dengan penguatkuasaan Akta Perlindungan Data Peribadi 2010.

Sehubungan itu, berkuatkuasa pada 05 Julai 2013, semua pemegang unit yang ingin mengemaskini buku pelaburan mereka perlu hadir sendiri ke kaunter bagi melaksanakan urusniaga tersebut.

Walau bagaimanapun, sekiranya pemegang unit ingin membenarkan pihak ketiga untuk mengemaskini buku pelaburan mereka, pemegang unit perlu mematuhi perkara berikut:

- Melengkapkan Borang Kebenaran Wakil yang boleh didapati di kaunter-kaunter Cawangan ASNB atau dimuat turun melalui **[www.asnb.com.my](http://www.asnb.com.my)**
- Wakil yang dilantik adalah dikehendaki membawa Borang Kebenaran Wakil beserta buku pelaburan pemegang unit ke cawangan-cawangan ASNB atau cawangan-cawangan ejen ASNB semasa membuat pengemaskinian buku pelaburan.

Terima kasih

**Amanah Saham Nasional Berhad**